



PUSAT PERUBATAN
**UNIVERSITI
MALAYA**

PANDUAN ANDA UNTUK PEMBIUSAN UMUM

JABATAN ANESTESIOLOGI
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA 2018



MENGAPA ANDA MEMERLUKAN PEMBIUSAN UMUM?

Doktor anda mungkin telah memberitahu anda bahawa anda perlu menjalani pembedahan atau prosedur yang memerlukan pembiusan umum.

APAKAH ITU PEMBIUSAN UMUM?

Pembiusan umum adalah sejenis bius yang menyebabkan anda hilang kesedaran sebelum pembedahan atau prosedur dijalankan. Ini dilakukan supaya anda tidak mengalami sebarang kesakitan dan tidak sedar semasa prosedur itu.

Seorang doktor bius akan sentiasa bersama anda dari mula proses pembiusan sehinggalah tamat pembedahan. Doktor bius akan memastikan keadaan anda selamat dan penjagaan yang terbaik diberi kepada anda.

APAKAH FAEDAH ANDA MENGAMBIL PEMBIUSAN UMUM?

- Memudahkan proses pengawalan salur udara, pernafasan dan peredaran darah.
- Membenarkan kelonggaran otot-otot supaya pembedahan/prosedur boleh dijalankan.
- Mengurangkan kadar kesedaran, pengimbasan kembali dan sakit.
- Sesuai untuk kes-kes di mana pembiusan setempat tidak mencukupi.
- Boleh diberi dengan kadar yang cepat serta pemulihan semula yang mudah.

APAKAH KESAN-KESAN SAMPINGAN PEMBIUSAN UMUM?

Tidak semua pesakit akan mengalami kesan-kesan sampingan, dan kebanyakan kesan ini tidak akan berlanjutan dan selalunya berlaku sekejap selepas pembiusan umum dihentikan.

Kesan-kesan sampingan tersebut adalah :

- Kekeliruan jangka masa pendek dan hilang ingatan (selalunya di kalangan pesakit yang berumur)
- Pening atau sakit kepala
- Kesan lebam atau sakit di kawasan intravena
- Rasa loya dan muntah-muntah
- Badan berasa sejuk dan menggigil
- Sakit otot sementara
- Sakit tekak (disebabkan oleh tiub pernafasan)

Sekiranya kesan-kesan sampingan ini menyebabkan anda berasa tidak selesa, doktor bius boleh merawat anda dan memberi ubat yang bersesuaian untuk mengurangkan simptom-simptom tersebut.

APAKAH RISIKO-RISIKO PEMBIUSAN UMUM YANG SEHARUSNYA ANDA RISAUKAN?

Secara keseluruhannya, pembiusan umum adalah sangat selamat.

Sesiapa pun boleh mengambil pembiusan umum, dan ini termasuk pesakit yang berisiko tinggi. Doktor bius akan memeriksa anda dan menasihati anda sekiranya keadaan fizikal anda perlu ditambahbaik dan dioptimumkan sebelum pembedahan/prosedur.

Secara umumnya, pesakit yang sangat muda atau sangat berumur ataupun pesakit yang perlu menjalani pembedahan/prosedur yang berjangka masa lama akan menghadapi risiko-risiko yang lebih tinggi berbanding dengan pesakit lain.

Skala nombor untuk memudahkan pemahaman anda

Sangat kerap	Kerap berlaku	Tidak kerap berlaku	Jarang	Sangat jarang
1 dalam 10	1 dalam 100	1 dalam 1000	1 dalam 10,000	1 dalam 100,000

Keadaan **berikut mungkin berlaku tetapi jarang** :

1. Anda mungkin sedar dengan segala yang berlaku di dalam dewan bedah walaupun sudah diberi pembiusan umum (lebih kerap berlaku semasa pembedahan kecemasan dan sesetengah jenis prosedur).
2. Kecederaan pada mata yang mungkin menyebabkan kesakitan dan memerlukan rawatan.
3. Kecederaan pada gigi, gusi, bibir dan lidah.

Keadaan berikut **sangat jarang berlaku** tetapi boleh berlaku pada pesakit yang didapati mempunyai risiko tinggi :

1. Salur udara dan pernafasan menjadi sempit menyebabkan kesukaran untuk bernafas.
2. Reaksi alergi terhadap ubat-ubatan yang boleh menyebabkan masalah pernafasan dan peredaran darah.
3. Keadaan "malignant hyperthermia" yang boleh berlaku pada sesetengah individu di mana otot-otot menjadi kejang, serta tekanan darah, degupan jantung dan suhu badan meningkat dengan mendadak.
4. Serangan jantung, angin ahmar atau jangkitan kuman pada paru-paru boleh berlaku pada pesakit yang mempunyai penyakit jantung atau paru-paru ataupun pesakit yang masih lagi merokok.

PERINGATAN : Sebarang maklumat pada brosur ini bertujuan untuk memberi panduan asas pada anda mengenai pembiusan umum, dan doktor bius anda akan berbincang dengan lebih lanjut dengan anda sekiranya ada sebarang masalah yang dikenalpasti berkenaan dengan keadaan fizikal anda dan pembedahan/prosedur yang dicadangkan.